

VOL 3 | ISU 4
OKTOBER - DISEMBER 2024



Akademi Profesor
MALAYSIA

BULETIN

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Sidang Redaksi

Penasihat

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

Ketua Editor

Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin

Editor & Reka Bentuk Grafik

Nur Farhah Nabihan Ismail

Pegawai Komunikasi

Puan Nai'mah Isa



+601128005741



akademiprofesor.org.my



akademiprofesor@gmail.com

BULETIN RASMI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Isi Kandungan

Kata Alu-Aluan Presiden	3
Jaringan	4
Majlis Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi (AKRI 2024) : Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	
Jaringan	5
Perbincangan Kerjasama antara International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia dan APM	
Aktiviti	6
Mesyuarat Agung Tahunan ke-6 (MAT6)	
Podcast APM	7
Diskusi Bajet 2025	
Konvensyen Akademia 2024	8
Tema: Akademia Pemangkin Pembangunan Negara	
Konvensyen Akademia 2024	9
Forum Masa Depan Pendidikan Tinggi : Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia 2035	
Konvensyen Akademia 2024	10
Sesi World Cafe: 10 Shifts in the Malaysia Higher Education Blueprint	
Wacana Kluster Agama, Falsafah & Ketamadunan (AFK): Kepesatan Perkembangan Kecerdasan Buatan: Cabaran terhadap Tradisi Agama dan Integriti Insan	11
Mesyuarat	13
Mesyuarat Majlis	
Mesyuarat	14
Mesyuarat Pengurusan	
Mesyuarat	15
Mesyuarat Kluster dan Jawatankuasa 2024	
Penyertaan	16
Program Sains, Teknologi, Inovasi 100 ³ (STI 100 ³)	
Penyertaan	21
Astro Awani: Pantau Belanjawan	
Oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman	
Penerbitan (Kenyataan Media)	22
Penerbitan (Media Massa)	25
Ucapan Tahniah	30
Poster Aktiviti & Program APM	32
Keahlian: Status 30 September 2024	33
Takrifan & Akronim	34
Sertai Kami	35

Nota Ketua Editor



Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin
SETIAUSAHA AGUNG AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum wbkth
dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah,

Syukur ke atas limpahan rahmat Ilahi dengan izin-Nya APM berhasil menerbitkan Buletin APM Vol 3 Isu 4, yang merangkumi pelbagai aktiviti APM dari bulan Oktober hingga Disember 2024 (suku keempat tahun 2024) dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Majlis APM sesi 2023/2025 terus komited meneruskan kecemerlangan yang telah dirintis sebelum ini. APM berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak positif, iaitu melalui penganjuran Konvensyen Akademia 2024 (KA24) bersempena bulan Akademia pada bulan Oktober. Selain itu Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-6 juga berjaya dilaksanakan. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen APM sebagai pusat pemikiran proaktif dalam memacu pembangunan masyarakat dan negara.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Nur Farhah Nabihan Ismail, atas usaha serta dedikasinya selaku Editor dan Reka Bentuk Grafik untuk Buletin ini. Peranan beliau sebagai Pegawai Penyelidik telah memberikan sumbangan yang amat berharga dalam memastikan ahli-ahli APM sentiasa mendapat makluman tentang perkembangan terkini organisasi ini.

Sekian,
Salam Hormat.



Kata Alu-Aluan Presiden

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, Buletin APM Vol 3 Isu 4 telah berhasil diterbitkan. Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada ahli Sidang Redaksi Buletin APM atas kesungguhan mereka dalam memastikan kelangsungan penerbitan buletin ini, yang menjadi alat penting dalam memperlihatkan aktiviti dan kemajuan APM.

Buletin ini secara keseluruhannya telah mengumpul dan melaporkan setiap aktiviti dan perkembangan APM secara objektif. APM terus komited dalam usaha advokasi melalui pelbagai program seperti Syarahan Fellow, Wacana APM, dan Sidang Meja Bulat (RTD), yang membincangkan isu-isu semasa secara mendalam.

Selaku Presiden APM sesi 2023/2025, saya dengan bangganya menyambut penerbitan buletin ini sebagai saluran komunikasi penting antara Majlis APM dan semua ahli, yang memberi liputan terperinci mengenai perkembangan APM setiap suku tahun.

Selain itu pengurusan APM juga komited untuk memastikan kelestarian fiskal dan kecukupan pendanaan untuk menjayakan pelbagai aktiviti yang dirancang. Dengan ini izinkan saya mengambil kesempatan menyeru segenap ahli APM serta para pemegang taruh turut membantu bagi memastikan keberhasilan aspek ini.

Penglibatan dan kejayaan ahli APM turut diraikan dan dikongsi melalui ruang kolum-kolum dalam buletin ini. Diharapkan ianya dapat menjadi inspirasi bagi semua ahli APM untuk terus berperanan bukan hanya dalam institusi, tetapi juga sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab. Kepakaran sebagai Profesor dan Profesor Madya seharusnya dimanfaatkan secara optimum untuk meningkatkan daya saing negara.

Saya mengambil kesempatan mengajak semua ahli untuk terus menyumbang melalui platform APM. Semoga APM terus melonjak demi untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian
Salam Hormat.

Jaringan

Majlis Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi: Reka Bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif 2024 (AKRI 2024)

YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir
1 Oktober 2024 | UiTM Shah Alam



APM diwakili oleh beberapa Ahli Majlis telah memenuhi jemputan ke Majlis Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Tinggi: Reka Bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif 2024 (AKRI 2024) serta Perasmian Bulan Akademia Peringkat Kebangsaan 2024, yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, pada 1 Oktober 2024 (Selasa) bertempat di Dewan Agong Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.



Jaringan

Perbincangan Kerjasama antara International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia dan Akademi Profesor Malaysia

2 Oktober 2024 | IAIS, Kuala Lumpur



IAIS dan APM telah memulakan perbincangan mengenai kerjasama strategik yang bertujuan untuk memperkukuhkan penyelidikan serta menyumbang kepada pembentukan dasar dalam bidang-bidang utama yang menjadi keutamaan negara. Dr. Syed Azman, Ketua Pegawai Eksekutif IAIS Malaysia, mewakili institusi tersebut, manakala delegasi APM diketuai oleh Presiden, Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman.

Kedua-dua institusi berkomited untuk memanfaatkan kepakaran akademik masing-masing dalam mempengaruhi pembangunan dasar, dengan penumpuan terhadap usaha menangani cabaran masyarakat yang mendesak serta mempromosikan pertumbuhan mampan di Malaysia.



Aktiviti

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-6 (MAT6)

5 Oktober 2024 | Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM & ZOOM



Mesyuarat Agung Tahunan ke-6 (MAT6) Akademi Profesor Malaysia telah berjaya diadakan pada 5 Oktober 2024. Mesyuarat ini dilaksanakan secara hybrid, bertempat di Dewan Kuliah 5, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), serta menerusi platform Zoom untuk memudahkan penyertaan ahli dari pelbagai lokasi. Seramai 48 orang ahli menghadiri mesyuarat ini, sama ada secara fizikal atau maya.

Antara agenda utama yang dibincangkan termasuk pengesahan minit mesyuarat sebelumnya, laporan perkara berbangkit, dan isu-isu penting seperti berikut:

Agenda:

1. Pembentangan Laporan Tahunan dan Kewangan 2023/2024
2. Cadangan Pindaan Perlembagaan bagi Tujuan Pendanaan APM
3. Pembentangan dan Penerimaan Usul
4. Penyerahan Surat Tauliah Pengerusi Kluster dan Ketua Korpus Kesarjanaan APM
5. Penyerahan Surat Tauliah Fellow Baharu APM



Podcast APM

Diskusi Bajet 2025

EKONOMI MADANI, NEGARA MAKMUR, RAKYAT SEJAHTERA

Live di Youtube dan Facebook Rasmi APM | 18 Oktober 2024



Akademi Profesor Malaysia (APM) telah menganjurkan sebuah Podcast Live bersempena Pembentangan Bajet 2025 oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Oktober 2024 (Jumaat). Program ini menampilkan diskusi yang dipimpin oleh Presiden APM, Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, yang juga selaku Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah & Kesejahteraan Sosial bersama Tetamu Khas, Profesor Dr. Asan Ali Golam Hassan, Ketua Korpus Kesarjanaan Ekonomi, Pengurusan dan Perundangan APM. Siaran langsung ini dapat diikuti di platform Facebook dan YouTube rasmi APM, menarik perhatian audiens dengan analisis mendalam berkaitan Bajet 2025 dan implikasinya terhadap pelbagai sektor.

Konvensyen Akademia 2024

Tema: Akademia Pemangkin Pembangunan Negara

Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi

21 Oktober 2024 | 8.00 pagi – 2.00 petang

Konvensyen Akademia merupakan acara tahunan anjuran APM bersempena sambutan Hari Akademia pada 5 Oktober 2024, yang dikhususkan untuk menghargai sumbangan golongan akademik di mana bulan Oktober turut diiktiraf sebagai Bulan Akademia.



Konvensyen Akademia 2024 (KA24) ini merupakan manifestasi usaha bersama antara Akademi Profesor Malaysia (APM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memperkukuh peranan akademia dalam pembangunan pendidikan tinggi dan kemajuan negara.

KA24 telah dihadiri oleh 200 lebih ahli akademik institusi pengajian tinggi Malaysia berperanan sebagai platform inklusif yang menyatukan para ilmuwan, ahli akademik, dan pihak berkepentingan untuk berkongsi pandangan, mencetuskan idea inovatif, dan membina kerjasama strategik. Melalui sesi seperti forum, dialog, dan *World Café*, dengan harapan agar setiap perbincangan dapat melahirkan resolusi berimpak tinggi yang akan menyumbang kepada pembentukan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035.



Konvensyen Akademia 2024

Forum Masa Depan Pendidikan Tinggi : Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia 2035

Sesi forum bertajuk "**Masa Depan Pendidikan Tinggi: Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia 2035**" menampilkan YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi dan YBhg. Profesor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail Pengerusi Kumpulan Pakar, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035, sebagai penceramah utama.



Forum ini dipandu oleh moderator, Dato' Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), yang mengupas pandangan strategik mengenai hala tuju pendidikan tinggi negara menjelang tahun 2035.

Panelis pertama, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang ialah tokoh dalam pentadbiran awam, kejuruteraan alam sekitar, dan akademik, dengan pencapaian termasuk Anugerah Merdeka 2009 dan menjadi Naib Canselor termuda universiti awam pada usia 43 tahun. Berkelulusan dalam Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, beliau memainkan peranan penting dalam pendidikan tinggi dan pembangunan lestari, kini berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi sejak 2024.

Manakala panelis kedua, Profesor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail ialah tokoh terkemuka dalam sains, pendidikan tinggi, dan inovasi, serta Naib Canselor Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU). Beliau merupakan bekas Presiden Akademi Sains Malaysia, Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, dan Fellow Kehormat Akademi Profesor Malaysia.



Konvensyen Akademia 2024

Sesi World Cafe: 10 Shifts in the Malaysia Higher Education Blueprint

Sesi 'World Café', yang diketuai oleh Profesor Dr. Nordin Yahaya (Pengerusi KA24), membincangkan **10 Lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM)** secara interaktif, melibatkan 10 meja perbincangan yang diwakili oleh fasilitator, pakar, dan pelapor.

Peserta selaku penyumbang dibahagikan kepada 10 kumpulan diberikan masa untuk memberikan pandangan bagi Lonjakan yang diwakili. Sesi ini bertujuan menghasilkan idea dan cadangan strategik bagi memperkukuhkan pelaksanaan PPPTM, dengan fokus kepada kualiti dan daya saing pendidikan tinggi negara.



Program Wacana

Kluster Agama, Falsafah & Ketamadunan

Kepesatan Perkembangan Kecerdasan Buatan: Cabaran terhadap Tradisi Agama dan Integriti Insan

29 Oktober 2024 | 10 Pagi | Zoom Meeting



Profesor Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty
Presiden Kolej Dar al-Hikmah dan Pengerusi Institut
Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

"Oleh itu, meskipun AI mempunyai potensi besar, penggunaannya harus seimbang dengan nilai akhlak dan mizan agar ia tidak menghancurkan asas kemanusiaan dan tamadun."

Islam mempunyai sejarah kaya dalam menggalakkan kemajuan saintifik dan teknologi, termasuk Kecerdasan Buatan (AI), yang dianggap sebagai amanah Allah untuk dimanfaatkan demi kebaikan bersama. Sebagai khalifah di bumi, manusia yang bertanggungjawab wajar menggunakan akal untuk memperbaiki kehidupan dunia dan akhirat, berpandukan prinsip etika Islam yang menitikberatkan keadilan, kesaksamaan, privasi, dan maruah insan. AI diiktiraf membawa manfaat besar dalam penjagaan kesihatan, pembangunan ekonomi, pendidikan, dan kebajikan sosial, namun ia juga menimbulkan cabaran seperti manipulasi data, teknologi deep fake, dan pengawasan melampau.

Kecanggihan teknologi AI adalah luar biasa jika dibandingkan dengan kemajuan terdahulu, dan dari sudut utilitarisme falsafah Barat, AI diakui memberikan manfaat maksimum. Namun, ia juga membawa risiko ketidakfungsian maksimum yang boleh merosakkan nilai moral (*demoralize*) dan kemanusiaan tamadun hari ini (*dehumanize*). Antara cabaran yang timbul adalah penyebaran budaya fitnah, perpecahan dalam masyarakat, dan kekeliruan akibat maklumat yang salah. Dalam menghadapi dua ekstrem ini, pendekatan yang bijaksana perlu diambil. Islam menekankan pentakdiban sejak awal kehidupan, seperti yang diajarkan dalam hadis Rasulullah SAW, di mana kesempurnaan akhlak menjadi tunjang ketamadunan.



Profesor Dr. Rahmah Ahmad Hj. Osman
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ketua
Korpus Kesarjanaan Sastera & Kemanusiaan, APM

"AI harus diterapkan dalam kerangka nilai Islam untuk memastikan penggunaannya sejajar dengan kebaikan bersama dan nilai-nilai moral."

Program Wacana

Kluster Agama, Falsafah & Ketamadunan

Kepesatan Perkembangan Kecerdasan Buatan: Cabaran terhadap Tradisi Agama dan Integriti Insan

29 Oktober 2024 | 10 Pagi | Zoom Meeting



Profesor Dr. Putra Sumari
Universiti Sains Malaysia (USM)

***"Pendekatan pengenalan
akta ini menyeimbangkan
keselamatan masyarakat
dengan pembangunan
teknologi yang
bertanggungjawab."***

Pandangan Konfusionisme yang menegaskan AI seharusnya hanya berperanan sebagai pembantu, namun bukanlah sebagai pengganti manusia. Menurut Konfusionisme, peri kemanusiaan hanya dapat dipenuhi melalui hubungan antara insan, di mana AI tidak mampu menzahirkan sifat kemanusiaan seperti simpati dan empati. Fahaman ini juga selaras dengan ajaran Hamzah Fansuri tentang kesatuan ujub, yang menegaskan kemanusiaan melampaui kecerdasan akal dan memerlukan elemen rohani serta emosi. Oleh itu, pendidikan dan pembangunan manusia harus menekankan sifat kemanusiaan yang tidak boleh digantikan oleh AI.

Cadangan pengubalan Artificial Intelligence Acts (AI Acts) di Malaysia bagi memastikan sistem AI yang selamat, menghormati hak asasi manusia, memacu pelaburan, dan memperkukuh tadbir urus AI secara harmoni. Akta ini mengkategorikan risiko kepada empat tahap: 1. *unacceptable risk* seperti manipulasi tingkah laku, eksploitasi individu rentan, pengenalan wajah masa nyata perlu dilarang sepenuhnya, 2. *high risk* seperti analisis kredit, kesihatan perlu melalui penilaian pematuhan oleh badan kawal selia khusus, 3. *limited risk* seperti sistem interaktif, generatif perlu pematuhan ketelusan dikuatkuasakan, dan 4. *minimal risk* seperti penapis spam, permainan video tidak memerlukan sebarang kewajipan tambahan.



Profesor Madya Dr. Tee Boon Chuan
Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)

***"Kita perlu mendidik anak kita sebagai
insan yang sejati, bukan sekadar
menekankan kesihatan dan kecerdasan
semata-mata. Insan yang hakiki ialah
individu yang memiliki sifat simpati dan
empati terhadap sesama manusia,
menjadikan hubungan kemanusiaan
lebih bermakna."***

Mesyuarat

Ahli Majlis Sesi 2023/2025

Mesyuarat Majlis Bil 8

19 Disember 2024 | 10 pagi | Bilik Boardhive, Urbanhive dan Zoom



Dalam gambar (dari kiri atas): Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo (ASK), Prof. Dr. Mohar Kassim (wakil KP), Prof. Emeritus Jamal Othman (Presiden), Prof. Mohd Cairul Iqbal (SUA), Prof. Dr. Chin Yee Whah (KSPN), Prof. Dato. Ridza Wahiddin (Ketua Korpus Kesarjanaan Sains dan Matematik), Prof. Abdullah Mat Zin (Bendahari), Prof. Dato' Dr. Shamala K Subramaniam (Director of Media Relations), Prof. Dato' Seri Salleh Yaapar (AFK), Prof. Dato' Dr. Mohd Ali Hassan (RE). Tiada di dalam gambar: Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (TP), Prof. Dr. Adlina Suleiman (PSUA), Pn. Naimah Isa (SUK) dan Pn. Nur Farhah Ismail (RO)

Mesyuarat Majlis Bil8 Sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Presiden APM, Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman dihadiri oleh tujuh (10) Ahli Majlis. Mesyuarat ini membincangkan beberapa agenda seperti berikut:

Agenda:

1. Kata alu-aluan Pengerusi dan aspirasi 2025
2. Mengesahkan minit Mesyuarat Majlis Bil8 Sesi 2023/2025
3. Laporan perkara berbangkit Mesyuarat Majlis Bil8 Sesi 2023/2025
4. Laporan Bendahari
5. Laporan Kluster dan Perancangan 2025
6. Hal-hal lain

Mesyuarat

Pengurusan Sesi 2023/2025

Mesyuarat Pengurusan Bil 13

21 November 2024 | 3.00 petang | Beehive, Urbanhive Conezion



Dalam gambar (dari kanan): Prof. Abdullah (Bendahari), Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal (SUA), Prof. Emeritus Dr. Jamal Othman (Presiden), Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (Timbalan Presiden), dan Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin (Penyelaras Domain Ilmu), dan Puan Naimah Isa (SUK) (tiada di dalam gambar)

Mesyuarat Pengurusan Bil13 Akademi Profesor Malaysia (APM) sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM telah dihadiri oleh enam (5) orang ahli pengurusan, serta satu orang urus setia. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat penyelarasan bagi mengemaskini beberapa perkara seperti agenda berikut:

Agenda:

- Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan Bil12 Sesi 2023/2025
- Laporan Kewangan
- Aktiviti Kluster dan Korpus Kesarjanaan
- Semakan Susun Atur dan Kandungan Laman Web dan Facebook APM
- Hal-hal lain

Mesyuarat

Mesyuarat Kluster dan Jawatan Kuasa 2024



Jawatankuasa Induk Konvensyen Akademia 2024

1. Mesyuarat JK Induk KA24 | 3 Oktober 2024
2. Mesyuarat JK Induk KA24 | 10 Oktober 2024
3. Mesyuarat JK Induk KA24 | 15 Oktober 2024
4. Mesyuarat JK Induk KA24 | 18 Oktober 2024
5. Mesyuarat JK Induk KA24 | 19 Oktober 2024



Perubatan dan Kesihatan (PK)

1. Perbincangan JK PK | 24 Disember 2024

Penyertaan

Sains, Teknologi, Inovasi 100 kuasa tiga (STI 100³)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Akademi Profesor Malaysia (APM)

MOSTI telah merangka pelaksanaan Program STI 100³ susulan hasrat YAB Perdana Menteri di mana tujuan inisiatif ini adalah untuk melaksanakan pelbagai program pembudayaan STI yang melibatkan aktiviti pendidikan bukan formal di luar bilik darjah bagi memupuk dan meningkatkan minat terhadap STI di kalangan pelajar, termasuk golongan belia serta seluruh lapisan masyarakat.

“100 Saintis, 100 Sekolah, 100 Hari”

OBJEKTIF:

- **memupuk, meningkat dan memperkasakan kesedaran** serta minat terhadap bidang STI di kalangan kumpulan sasaran program;
- **meningkatkan aktiviti pembudayaan STI** dan **penggunaan aplikasi pengetahuan STI** di kalangan golongan masyarakat yang terlibat;
- **memastikan kemahiran dan kepakaran Saintis** dimanfaatkan secara optimum dalam membantu dan membimbing Kumpulan sasaran program; dan
- **mewujud dan mengukuhkan kolaborasi strategik** dalam bidang STI di kalangan semua pihak yang terlibat dengan program.

PERANAN SAINTIS:

- Saintis yang dilantik dalam program ini dikehendaki menjalankan atau terlibat dalam program atau aktiviti pembudayaan STI berpandukan kepakaran STI masing-masing.
- Peranan Saintis dalam program boleh melibatkan mana-mana skop yang sesuai, seperti sebagai pembimbing, pakar rujuk, penasihat, motivator, moderator, fasilitator, role model, dan sebagainya.
- Program atau aktiviti pembudayaan STI yang terlibat adalah diatur dan dijadualkan secara berkala, dengan setiap sesi berlangsung selama dua atau tiga jam, sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi satu tempoh kitaran.
- Saintis diwajibkan untuk menyediakan laporan berkala mengenai aktiviti yang dijalankan dan kemajuan yang dicapai.

Aktiviti Bersifat Terancang:



Aktiviti Berfokus:



Penyertaan

Sains, Teknologi, Inovasi 100 kuasa tiga (STI100³)

PENYALURAN PERUNTUKAN

Proses pembayaran peruntukan akan diselaraskan oleh agensi yang dilantik setelah menerima akuan penerimaan peruntukan. APM telah dilantik sebagai **Agensi Penggerak** yang akan menerima dana dari Agensi Penyelaras seterusnya akan disalurkan kepada saintis yang telah dilantik.

Agensi Penyelaras

Malaysian
Bioeconomy
Development Corp.
SDN BHD

Agensi Penggerak

Akademi Profesor
Malaysia

Saintis di bawah
pencalonan APM

SENARAI SAINTIS KITARAN 1 (NOVEMBER 2024 – JANUARI 2025)

NAMA SAINTIS	STATUS PELAKSANAAN			NAMA SEKOLAH	NAMA PROGRAM/AKTIVITI
	FASA 1	FASA 2	FASA 3		
Profesor. Ts. Dr. Zaidatun Tasir (UTM)	✓ Nov 2024	✓ Dis 2024		SMK Bandar Tenggara 2, Kulai	Program Kenali, Eksplorasi dan Refleksi AI
Profesor Madya Dr. Radiah Abdul Ghani (IIUM)	✓ Nov 2024			SMA Al-Maarif, Bukit Goh, Kuantan	Let Me Tell You 6.0
Nur Diyana Syamim Hasnol (IIUM)	✓ Okt 2024	✓ Nov 2024		SMK Seri Mahkota, SMK Gambang, SMK Lepar Hilir	Mini Science Exhibition STEM Podcast Sciquest Adventure

SENARAI SAINTIS KITARAN 1.5 (DISEMBER 2024 – FEBRUARI 2025)

NAMA SAINTIS	CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN	NAMA SEKOLAH (1 nama sekolah khusus)	CADANGAN NAMA PROGRAM/AKTIVITI
Prof. Dr. Norita binti Md Norwawi	Januari 2025	SMK Tunku Besar Burhanuddin, Negeri Sembilan	AI Unplugged: Unlock Your AI Imagination
Prof. Dr. Hazleen Binti Anuar	Februari 2025	SK Alor Keladi, Besut	STEM Adventures: Discovering the Science of Biodegradable Materials
Dr. Izyan Hazwani Binti Hashim	Januari 2025	SMK Seri Pulai Perdana, Johor	QUANTUM QUEST: UNVEILING THE MARVEL OF PHYSICS
Dr. Hasmawati Antong	Februari 2025	SMK Taman Seri Rampai, Setapak, Kuala Lumpur.	Memperkasakan Pelajar Golongan B40 melalui Program Penguasaan Robotik

Penyertaan

Sains, Teknologi, Inovasi 100 kuasa tiga (STI100³)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Akademi Profesor Malaysia (APM)

FASA 1

Saintis : **PROFESOR. TS. DR. ZAIDATUN TASIR (UTM)**
Sekolah : SMK Bandar Tenggara 2
Jumlah peserta : 61 orang pelajar
Tarikh pelaksanaan: 3 November 2024
Program : Kenali AI



FASA 2

Saintis : **PROFESOR. TS. DR. ZAIDATUN TASIR (UTM)**
Sekolah : SMK Bandar Tenggara 2
Jumlah peserta : 59 orang pelajar
Tarikh pelaksanaan: 8 Disember 2024
Program : Eksplorasi AI - Permainan AI: Kenali Perasaan Saya menggunakan Teachable Machine



Penyertaan

Sains, Teknologi, Inovasi 100 kuasa tiga (STI100³)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Akademi Profesor Malaysia (APM)

FASA 1

Saintis : **PROFESOR MADYA DR. RADIAH ABDUL GHANI**
Sekolah : SMA Al-Maarif, Bukit Goh, Kuantan
Jumlah peserta : 78 orang pelajar Tingkatan 3
Tarikh pelaksanaan: 19 November 2024
Program : Let Me Tell You: Explore the wonder of Human Biology Part 1



Penyertaan

Sains, Teknologi, Inovasi 100 kuasa tiga (STI100³)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Akademi Profesor Malaysia (APM)

FASA 1

Saintis : **NUR DIYANA SYAMIM HASNOL (IIUM)**
Sekolah : SMK Seri Mahkota, SMK Gambang, SMK Lepar Hilir
Jumlah peserta : 323 orang penyertaan secara hybrid
Tarikh pelaksanaan: 20 Oktober 2024
Program : STEM Podcast: "STEMFLIX and CHILL"



FASA 2

Saintis : **NUR DIYANA SYAMIM HASNOL (IIUM)**
Sekolah : SMK Seri Mahkota, SMK Gambang, SMK Lepar Hilir
Jumlah peserta : 150 orang
Tarikh pelaksanaan: 30 November 2024
Program : Mini Science Exhibition "Science and Mathematics Fiesta: Igniting Curiosity and Innovation"



Penyertaan

Astro Awani: Pantau Belanjawan

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden Akademi Profesor Malaysia, telah dijemput untuk menyertai siri program Pantau Belanjawan yang dianjurkan oleh Astro Awani. Sesi ini telah disiarkan melalui Saluran 501 dan juga secara langsung di laman web astroawani.com.



Pantau Belanjawan: Ekonomi terbuka: Posisi Malaysia sebagai kuasa tengah

Program ini menyajikan analisis mendalam mengenai potensi Malaysia memanfaatkan kedudukannya sebagai kuasa tengah dalam ekonomi global yang semakin terbuka. Sesi ini menyoroti pendekatan strategik yang mampu meningkatkan daya saing negara dalam ekonomi terbuka serta memperkuat statusnya sebagai pemain utama di peringkat antarabangsa.

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: APM sambut baik pengurniaan Watikah Pelantikan Profesor Diraja kepada tokoh intelek Islam Tan Sri Dr. Syed Naquib Al-Attas



KENYATAAN MEDIA AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) menyambut baik pengurniaan watikah pelantikan Profesor Diraja oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar kepada ahli falsafah, ilmuwan ulung dan tokoh intelek Islam Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib Al-Attas di Istana Negara pada 23 Oktober 2024.

Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib Al-Attas yang berusia 93 tahun merupakan pengasas Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC) dan seorang tokoh pemikir Peradaban Islam Kontemporari yang amat disegani serta dihormati di dalam dan luar negara.

Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib Al-Attas juga telah memperkenalkan gagasan Islamisasi ilmu yang diterapkan dalam pelbagai cabang pengetahuan merangkumi pendidikan agama, sejarah, falsafah, sains, teknologi, sastera dan seni.

Tan Sri Dr Syed Muhammad Naquib Al-Attas selayaknya dikurniakan pengiktirafan itu yang merupakan gelaran tertinggi dalam kalangan profesor berikutan jasa serta sumbangan beliau yang tertinggi dan bernilai kepada Negara terutama dalam Pendidikan Islam.

Profesor Diraja adalah gelaran tertinggi yang dianugerahkan kepada seseorang Profesor oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Gelaran tertinggi itu dikurniakan kepada ahli akademik yang memberikan sumbangan bernilai kepada masyarakat serta kemajuan Malaysia.

Satu-satunya tokoh yang pernah menerima gelaran Profesor Diraja ialah Allahyarham Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid pada 1978.

APM ingin merakamkan penghargaan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Majlis Raja-Raja, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan kepada Kerajaan Malaysia atas pengiktirafan tinggi terhadap sumbangan ilmu kepada pembangunan generasi, masyarakat serta negara dan ternyata pelantikan ini memberi makna besar kepada seorang tokoh yang begitu berjasa kepada dunia akademik, pengembangan ilmu dan dunia pemikiran.

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman
Presiden, Akademi Profesor Malaysia
24 Oktober 2024

Penerbitan Kenyataan Media

**Tajuk: PENGECUALIAN UNIVERSITI AWAM DARIPADA AKTA 605 –
SOKONGAN PENUH AKADEMI PROFESOR MALAYSIA**



KENYATAAN MEDIA AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

PENGECUALIAN UNIVERSITI AWAM DARIPADA AKTA 605 – SOKONGAN PENUH AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) menyokong sepenuhnya cadangan YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, untuk mengecualikan universiti awam daripada Akta 605, yang mengawal penjawat awam di Malaysia. Langkah ini adalah tepat pada masanya dalam usaha memastikan kebebasan akademik yang lebih bermakna kepada ahli akademik di universiti awam.

Sebagai wadah pemikir para profesor, APM percaya bahawa kebebasan akademik di universiti adalah asas kepada pembangunan intelektual dan inovasi. Pengecualian daripada Akta 605 akan memberi ahli akademik ruang untuk meneroka idea-idea baru, menghasilkan penyelidikan yang berkualiti, dan memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara tanpa halangan birokrasi yang tidak relevan dengan peranan unik mereka sebagai sarjana.

Selain kebebasan dalam penyelidikan dan pengajaran, APM juga menyokong kebebasan bersuara ahli akademik dalam memberikan pandangan mereka kepada negara. Sebagai cede kiawan negara, ahli akademik mempunyai tanggungjawab moral untuk menyuarakan pandangan yang kritikal dan berasaskan bukti bagi memastikan kesejahteraan negara dan sejagat. Kebebasan intelektual ini penting untuk membentuk dasar-dasar negara yang berteraskan fakta dan penyelidikan yang berkualiti, memastikan keputusan yang dibuat mengutamakan maslahat dan kepentingan masyarakat keseluruhannya.

APM berpandangan Akta 605, yang pada asalnya bertujuan untuk mengawal selia penjawat awam tidak relevan dengan kedudukan istimewa ahli akademik di universiti yang memerlukan kebebasan untuk berfungsi sebagai ejen perubahan dalam masyarakat. APM menggesa pihak berkuasa mempertimbangkan pengecualian ini demi memajukan pendidikan tinggi dan memartabatkan ahli akademik di Malaysia. Pengecualian ini juga akan mengangkat reputasi pendidikan tinggi Malaysia di peringkat antarabangsa.

Walaupun begitu, APM ingin menegaskan kebebasan yang diberikan harus disertai dengan tanggungjawab yang tinggi. Pandangan dan hasil kerja mestilah disampaikan dengan integriti yang utuh, berasaskan kepakaran, dan berdasarkan bukti yang sahih. Pengecualian daripada Akta 605 tidak seharusnya membawa kepada penyalahgunaan kebebasan, sebaliknya ia harus dihormati sebagai satu keistimewaan yang menuntut kebertanggungjawaban penuh terhadap hasil penyelidikan dan pandangan yang disuarakan.

APM komited untuk terus bekerjasama dengan kerajaan dan institusi pendidikan tinggi untuk memastikan ahli akademik di Malaysia menikmati persekitaran kerja yang kondusif, menyokong kebebasan intelektual sepenuhnya, selaras dengan nilai-nilai profesionalisme, integriti, dan kebertanggungjawaban.

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman
Presiden, Akademi Profesor Malaysia
25 Oktober 2024

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: APM Sokong Usaha KPM Meneruskan SPM Serta Mengurangkan Impak Banjir

Kenyataan Media Akademi Profesor Malaysia APM Sokong Usaha KPM Meneruskan SPM Serta Mengurangkan Impak Banjir

1. Akademi Profesor Malaysia (APM) mengikuti dengan prihatin perkembangan terkini mengenai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 di mana 402,956 calon telah mendaftar untuk menduduki SPM dan seramai 5,377 calon (1.3% dari keseluruhan calon) dilaporkan terjejas akibat banjir.
2. APM mengambil maklum kenyataan Menteri Pendidikan YB Fadhlina Sidek bahawa Kerajaan Malaysia telah melakukan sedaya upaya usaha dengan mekanisme yang ada untuk mengurangkan impak banjir terhadap 5,377 calon SPM di kawasan terjejas agar mereka dapat menduduki peperiksaan bersama 397,579 orang calon di seluruh Malaysia.
3. APM dimaklumkan bahawa calon SPM yang terjejas telah dipindahkan ke penempatan selamat bagi membolehkan mereka menjalani ujian bertutur Bahasa Melayu sepenuhnya tanpa ada yang tercicir. Pelajar berkenaan turut diberikan kemudahan terbaik termasuk buku, internet dan komputer.
4. Proses pemindahan melalui Op Payung telah dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) membabitkan antaranya Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), pihak berkuasa polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
5. APM bersimpati dengan calon SPM yang terganggu emosi akibat musibah banjir ini namun APM bersetuju dengan keputusan sukar yang terpaksa diambil Kerajaan Malaysia untuk meneruskan peperiksaan SPM dengan mengambil kira kesan dan impak rantaian yang bakal tercetus jika peperiksaan SPM ditangguhkan.
6. APM mengambil maklum pasca COVID-19, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang beransur-ansur menganjalkan permulaan sesi persekolahan ke bulan Januari semula. Sekiranya SPM ditangguhkan, ia akan memberi kesan kepada usaha ini termasuk impak rantaian terhadap kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
7. Kesan penangguhan SPM akan melibatkan hampir 99% calon yang tidak terjejas dengan banjir dengan rantaian yang lebih banyak termasuk emosi, logistik dan kewangan serta pelbagai kesan lain.
8. Pendekatan yang sesuai diambil ialah meneruskan peperiksaan SPM tetapi berusaha mempermudah urusan pelajar yang terjejas untuk menduduki peperiksaan. Oleh itu, APM menyarankan perkara berikut:
 - a. Pihak KPM perlu memberi jaminan sekiranya terdapat calon yang tercicir peperiksaan ini akibat banjir, mereka diberikan peluang untuk menduduki peperiksaan gantian selepas musim bencana.
 - b. Khidmat kaunselor bertauliah diberikan kepada pelajar yang terjejas terutama berkaitan gangguan emosi bagi memastikan mereka lebih bersedia menghadapi peperiksaan SPM.
 - c. Memastikan kebajikan dan persiapan peralatan peperiksaan seperti pakaian sekolah dan alat tulis dibekalkan segera kepada semua pelajar yang terjejas.
9. APM mendoakan agar calon SPM yang diuji dengan musibah banjir diberi ketabahan, kesabaran dan kekuatan dalam menghadapi peperiksaan serta dipermudahkan dalam menjawab setiap soalan dengan baik dan lancar. Sesungguhnya, sesudah kesulitan itu ada kemudahan.

Profesor Ts. Dr. Zaidatun Tasir
Pengerusi Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan
Akademi Profesor Malaysia (APM)
6 Disember 2024

Penerbitan Media Massa

Tajuk: KPT rangka agenda perkukuh kerjasama pendidikan tinggi sempena Malaysia jadi Pengerusi ASEAN

Sumber: Berita Harian | 21 Oktober 2024

NASIONAL

KPT rangka agenda perkukuh kerjasama pendidikan tinggi sempena Malaysia jadi Pengerusi ASEAN

Samadi Ahmad

bhnews@bh.com.my

October 21, 2024 @ 11:58am

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan merangka pelbagai agenda dan program bagi memperkukuh kerjasama berkaitan pendidikan tinggi dengan negara luar sempena Kepengerusian ASEAN bagi 2025.



Zambry berucap merasmikan Konvensyen Akademia 2024 anjuran Akademi Profesor Malaysia (APM) hari ini. Foto Bernama

Beliau berkata, sebelum ini perbincangan hanya tertumpu kepada Pertubuhan Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) membabitkan pendidikan ASEAN.

Bagaimanapun, katanya, pada kali ini, negara ASEAN pada umumnya bersetuju supaya diadakan mesyuarat Menteri Pendidikan Tinggi selepas mesyuarat Menteri Pendidikan ASEAN.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga meminta supaya kita aturkan program ini bagi mengadakan mesyuarat khas berkaitan pendidikan tinggi termasuk membabitkan menteri negara ASEAN," katanya selepas Majlis Perasmian Konvensyen Akademia 2024 di kementeriannya, di sini, hari ini.

Media pada 11 Oktober lalu melaporkan, Malaysia menerima tugas sebagai Pengerusi ASEAN bagi 2025, daripada Laos.

Upacara simbolik serahan tugas kepada Malaysia yang akan bermula pada 1 Januari 2025 itu dibuat Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone kepada Anwar pada Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 serta Sidang Kemuncak Berkaitan di Pusat Konvensyen Kebangsaan (NCC) di Vientiane.

Penerbitan Media Massa

Tajuk: KPT tetap pertahan kebebasan ahli akademik suarakan pandangan

Sumber: Berita Harian | 21 Oktober 2024

KPT tetap pertahan kebebasan ahli akademik suarakan pandangan - Zambry

Oleh Samadi Ahmad - Oktober 21, 2024 @ 10:59am
bhnews@bh.com.my



PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menegaskan bahawa kebebasan ahli akademik universiti tempatan untuk menyuarakan pandangan tetap akan dipertahankan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata kementerian tidak menyekat kebebasan ahli akademik dalam kalangan pensyarah namun setiap kenyataan atau pandangan yang dikeluarkan perlu bersandarkan kepakaran masing-masing.

Beliau berkata, pandangan yang diberikan itu juga perlu berdasarkan fakta dan penyelidikan kerana perkara itu menjadi disiplin dunia akademik dan tidak hanya bercakap secara sembarono.

"Walaupun kita tahu hasil daripada kajian dan pandangan mereka mungkin tidak baik bagi sesetengah pihak tertentu ataupun agak kritikal tetapi jangan dijadikan sebagai satu alasan untuk mengekang kebebasan mereka.

"Selagi mereka (ahli akademik) memberi pandangan berdasarkan disiplin ilmu dan berlatarbelakangkan kepada kajian, bukti serta data saya berfikir adalah tidak wajar kepada mana-mana pihak untuk cuba mengekang kebebasan mereka," katanya kepada pemberita pada Majlis Konvensyen Akademia 2024 di kementeriannya, di sini, hari ini.

Seramai 200 ahli akademik mewakili universiti tempatan hadir dalam konvensyen anjuran Akademi Profesor Malaysia.

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Maszlee syor Majlis Profesor Negara digantikan dengan APM

Sumber: Berita Harian | 9 November 2024

Maszlee syor Majlis Profesor Negara digantikan dengan APM



Oleh **Muhammad Yusri Muzamir** - November 9, 2024 @ 12:23pm
yusri.muzamir@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Syor mewujudkan kembali Majlis Profesor Negara (MPN) atau menubuhkan badan pemikir baharu untuk menggembelng peranan ahli akademik di negara ini bukanlah suatu keperluan untuk dilakukan ketika ini.

Sebaliknya, Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR, Dr Maszlee Malik, berkata kerajaan wajar mengguna pakai keputusan pentadbiran terdahulu iaitu memperkukuh Akademi Profesor Malaysia (APM).

Bekas menteri pendidikan itu berkata, berbeza dengan MPN, APM adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang keahliannya terdiri daripada profesor dan profesor madya daripada semua institusi pengajian tinggi di negara ini.

Pertubuhan itu dikendalikan suatu majlis yang dilantik dalam kalangan ahlinya untuk tempoh dua tahun.

"Saya mengikuti perbincangan dan laporan PAC (Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara). Sebenarnya perbincangan mengenai MPN bukanlah perkara baharu.

"Jemaah Menteri sudah pun membincangkan perkara ini pada 2019, dan membuat keputusan untuk menubuhkan badan baharu, dikenali sebagai APM bagi menggantikan MPN.

"Melalui struktur sebegini, Jemaah Menteri ketika itu berpandangan pertubuhannya dapat benar-benar mewakili pandangan profesor dan ilmuan di Malaysia," katanya dalam kenyataan.

Semalam, PAC menerusi laporannya menyarankan Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengkaji sama ada MPN masih relevan sebagai penggerak kepakaran tenaga akademik dalam membantu kerajaan membangunkan negara atau sebaliknya.

Ini kerana, katanya, jika JPM mahu mengekalkan MPN sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan Kerajaan (CLBG), ia perlu diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), selaras fungsi dan peranannya.

PAC juga menegaskan keberkesanan dan fungsi MPN kepada kerajaan tidak dapat ditentusahkan kerana indeks prestasi utama yang tidak ditentukan serta tidak dilaporkan kepada JPM.

Malah, agihan dana yang tidak disalurkan kepada kluster menyebabkan aktiviti MPN tidak dilaksanakan mengikut matlamat penubuhannya, pada 2014.

Penerbitan

Media Massa

Tajuk: Akademi Profesor sokong langkah teruskan SPM, tapi...

Sumber: Malaysia Kini | 6 Disember 2024

Akademi Profesor sokong langkah teruskan SPM, tapi...

Diterbitkan: Dec 6, 2024 4:39 PM · Dikemaskini: 4:39 PM

Akademi Profesor Malaysia (APM) hari ini menyokong langkah kerajaan meneruskan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sebalik sebahagian pelajar berdepan isu banjir.

Kata APM, mereka bersimpati terhadap gangguan emosi yang dialami sebahagian calon SPM namun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terpaksa mengambil keputusan sukar dengan meneruskan peperiksaan tersebut.

Pengerusi Kluster Pendidikan dan Pembangunan Insan APM, Prof Zaidatun Tasir, berkata KPM mengambil kira aspek kesan berantai yang bakal tercetus peperiksaan SPM ditangguhkan.

Katanya secara keseluruhan ada 402,956 calon yang mendaftar untuk menduduki SPM dan daripada jumlah itu 5,377 calon (1.3 peratus) dilaporkan terjejas akibat banjir.

Pun begitu APM berpendapat KPM perlu mengambil beberapa langkah menangani isu calon SPM yang terkesan akibat banjir.

"KPM perlu memberi jaminan sekiranya terdapat calon yang tercicir akibat banjir, mereka perlu diberikan peluang untuk menduduki peperiksaan gantian selepas musim bencana.

"Khidmat kaunselor bertauliah juga perlu diberikan kepada pelajar yang terjejas, terutama berkaitan gangguan emosi bagi memastikan mereka lebih bersedia menghadapi peperiksaan SPM," katanya.

Zaidatun menambah, KPM juga mesti memastikan kebajikan dan persiapan peralatan peperiksaan - seperti pakaian sekolah dan alat tulis - dibekalkan segera kepada semua pelajar yang terjejas.

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Kebarangkalian tragedi 2004 berulang amat tipis

Sumber: Berita Harian | 25 Disember 2024

Oleh: Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo (Pengerusi Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian APM (ASK))

Rabu, 25 Disember 2024 •

Nasional

13

Kebarangkalian tragedi 2004 berulang amat tipis

Kuala Lumpur: Gempa besar bermagnitud 9.0 dengan patahan pada kerak lautan sepanjang 1,200 kilometer (km) yang melanda Asia Tenggara dua dekad lalu adalah fenomena alam yang sangat langka.

Selepas 20 tahun, mungkinkah bencana sebesar itu berulang di rantau ini?

Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM), Prof Emeritus Dato' Dr Ibrahim Komoo, berkata secara teorinya ia boleh berlaku, tetapi kebarangkalian dari segi praktikal dilihat amat tipis.

"Kalau pun melanda lagi, ia mungkin jauh lebih kecil berbanding tragedi 26 Disember 2004."

"Tsunami ketika itu disebabkan gempa bumi mega bermagnitud 9.0 dengan jarak pusat gempa ialah 255km dari Banda

Aceh dan gempa bumi keempat terbesar sejak 1900," katanya kepada BH.

Beliau menjelaskan, gempa bumi itu menyebabkan patahan pada kerak lautan sepanjang 1,200km dari utara Sumatera hingga Kepulauan Andaman.

Ibrahim berkata, patahan mengangkat kerak lautan dengan serta-merta dan menganjak air laut yang menghasilkan tsunami.

"Tsunami boleh bergerak hingga 500km sejam di laut dalam dan apabila tiba di pesisir pantai Malaysia, kelajuannya berkurangan sekitar 50 km/jam atau 10 peratus daripada kelajuan asal."

"Gempa sebesar itu adalah fenomena alam yang sangat langka dan secara teori, ia boleh berulang di kawasan sama setiap 400 hingga 500 tahun."

"Jika ulangan lebih kerap, patahan lebih kecil dan tsunami

tidak berlaku," katanya.

Ibrahim mencadangkan infrastruktur penghalang tsunami dibina di kawasan pernah terjejas khususnya di utara tanah air.

"Pendidikan awam juga perlu dilakukan secara berterusan. Buat papan tanda di kawasan pernah dilanda tsunami, mengingatkan pengunjung terhadap apa yang berlaku pada 26 Disember 2004," katanya.

Berdasarkan kajian, Ibrahim berkata, jarak 100 meter memadai untuk menyelamatkan diri daripada tsunami.

"Satu-satunya tempat di Malaysia yang terdedah dengan risiko tsunami ialah di pantai timur Sabah kerana gempa bumi besar dari Filipina boleh menyebabkan tsunami di sepanjang pantai ini."

"Sebagai pencegahan, kita boleh tetapkan jarak larangan membina rumah berhampiran pantai di kawasan itu," katanya.

Kalau pun melanda lagi, ia mungkin jauh lebih kecil berbanding tragedi 26 Disember 2004. Tsunami ketika itu disebabkan gempa bumi mega bermagnitud 9.0 dengan jarak pusat gempa ialah 255km dari Banda Aceh dan gempa bumi keempat terbesar sejak 1900

Ibrahim Komoo, Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia



Idris menceritakan kejadian tsunami yang melanda 20 tahun lalu.

berpijak semula ke tanah. Allah sahaja yang tahu perasaan ketika itu, bercelaru mencari ahli keluarga, bimbang kalau hanyut entah ke mana," katanya.

Che Man mengingati luluhan hatinya apabila dimaklumkan kakaknya ditemui tidak bernyawa, malah kejadian itu membuatkan beliau trauma dan tidak turun ke laut selama beberapa bulan.

Tak sempat habis laung azan
Bilal masjid, Idris Husin, 71, yang berkecil di pantai bersama isteri dan anaknya, menyedari air surut hingga menampakkan pasir dalam jarak kira-kira satu kilometer.

Membahasakan diri sebagai Pak Ngah, beliau spontan melaukan azan, namun tidak sempat menghiskannya apabila gelombang ombak setinggi 3.9 meter mem-

badai daratan.

"Saya nampak gumpalan air tinggi di tengah laut, malah rumah api di tengah laut tidak lagi kelihatan."

"Isteri dan anak ajak Pak Ngah makan tapi saya suruh lari menyelamatkan diri. Saya laungkan azan sebelum selamatkan diri bersama keluarga," katanya.


Kejadian itu meragut nyawa 12 penduduk, manakala seramai 4,278 orang dipindahkan dengan 87 rumah dilaporkan rosak.

Idris mengakui kejadian itu menyebabkan penduduk kampung dibalut trauma, malah setiap kali angin kuat, ramai yang bimbang dan berkurang di rumah.

Katanya, tsunami turut mengubah bentuk pantai berdekatan kampung daripada berpasir putih kepada berselut dan tidak boleh bermandi-manda.



Pemandangan dari udara keadaan pesisir pantai Kampung Kota yang dahulunya rumah penduduk kini menjadi hutan bakau selepas 20 tahun tragedi tsunami di Kota Kuala Muda.



Arwar Zaini Zakaria mengimbau kesan tsunami di Galeri Tsunami, Kota Kuala Muda.

Ucapan Tahniah

Akademi Profesor MALAYSIA

SEKALUNG Tahniah

YBHG. PROFESOR DATO' SRI DR. DAING MOHD NASIR DAING IBRAHIM

FELOW & PRESIDEN PERTAMA AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

atas penganugerahan

GELARAN PROFESOR EMERITUS

tulus ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Akademi Profesor Malaysia

Akademi Profesor MALAYSIA

SEKALUNG Tahniah

YBHG. TAN SRI DR. SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

ahli falsafah, ilmuwan ulung dan tokoh intelek Islam

atas penganugerahan

PROFESOR DIRAJA

oleh
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar

tulus ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Akademi Profesor Malaysia

Akademi Profesor MALAYSIA

Tahniah

AHLI AKADEMI PROFESOR MALAYSIA YANG TERSENARAI DALAM

WORLD'S TOP 2% SCIENTISTS 2024

Citation Impact in Single Year 2023, 2024 by Elsevier, Stanford University

 PROFESOR DR. MOHD CAIRUL IQBAL MOHD AMIN	 PROFESOR MADYA DR. NO SHIOH FERN	 PROFESOR IR. DR. ABU BAKAR SULONG	 PROFESOR EMERITUS DATO' DR. SYED MOHAMED AL-JUNID SYED JUNID	 PROFESOR DR. MOHD TALIB LATIF	 PROFESOR MADYA DR. NURUL SYAKIMA AB MUTALIB	 PROFESOR DR. AHMAD ZAHARIN ARIS
 PROFESOR DR. LUQMAN CHUAH ABDULLAH	 PROFESOR IR. DR. KHALINA ABDAN	 PROFESOR DATO' DR. MOHD ALI HASSAN	 PROFESOR MADYA DR. SARVA MANGALA PRAVEENA	 PROFESOR MADYA DR. SREETHERAN A/L MARUTHAVEERAN	 PROFESOR DATUK CMM, TS. DR. TAUFIQ YAP YUN HIN	 PROFESOR TS. DR. EDDY TONNIZAM MOHAMAD
 PROFESOR DR. AZMAN HASSAN	 PROFESOR TS. DR. IDA IDAYU MUHAMMAD	 PROFESOR TS. DR. ALI SELAMAT	 PROFESOR IR. DR. ABDUL LATIF AHMAD	 PROFESOR DATO' DR. JAFRI MALIN ABDULLAH	 PROFESOR IR. DR. CHEONG KUAN YEW	

Akademi Profesor Malaysia

Akademi Profesor MALAYSIA

SEKALUNG Tahniah

YBHG. PROFESOR DATUK IR. DR. WAHID OMAR

FELOW AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

atas penganugerahan

GELARAN PROFESOR EMERITUS

tulus ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Akademi Profesor Malaysia

Akademi Profesor MALAYSIA

SEKALUNG Tahniah

YBHG. PROFESOR DATO' DR. MOHAMED RIDZA WAHIDDIN

KETUA KORPUS KESARJANAAN SAINS & MATEMATIKA

atas penganugerahan

GELARAN PROFESOR EMERITUS

tulus ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Akademi Profesor Malaysia

Ucapan Tahniah



SEKALUNG
Tahniah
**YBHG. PROFESOR DR.
AHMAD TARMIZI ABD KARIM**
AHLI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA
atas penganugerahan
PROFESOR EMERITUS
ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia



SEKALUNG
Tahniah
**YBHG. PROFESOR DR.
AHMAD ZAHARIN ARIS**
KETUA KORPUS KESARJANAAN
PERTANIAN & SUMBER ALAM
atas penganugerahan
**MALAYSIA SCORPUS RESEARCH EXCELLENCE AWARD -
GROUND BREAKING CONTRIBUTIONS CATEGORY**
ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia

SEKALUNG
Tahniah



**YBHG. PROFESOR DR.
AHMAD ZAHARIN ARIS**
KETUA KORPUS KESARJANAAN
PERTANIAN & SUMBER ALAM

**YBHG. PROFESOR IR. DR.
ABDULLATIF AHMAD**
AHLI

atas pelantikan sebagai
2025 TWAS FELLOW
ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia



SEKALUNG
Tahniah
**YBHG. PROFESOR DR.
NAZARI ISMAIL**
AHLI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA
atas penganugerahan
PROFESOR EMERITUS
ikhlas daripada
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia

Poster Aktiviti & Program



**KONVENSYEN
2024 AKADEMI**

Konvensyen AKADEMIA 2024

Akademia Pemangkin Pembangunan Negara

 **21 OKTOBER 2024 (ISNIN)**
 **DEWAN ZA'BA, KPT**
 **8:00 PAGI - 1:15 TENGAH HARI**

PENDAFTARAN



Untuk pertanyaan lanjut, hubungi:
019-971 1701 / 011-2800 5741

UCAP UTAMA OLEH:

**YB DATO' SERI DIRAJA DR.
ZAMBRY ABD KADIR**

MENTERI PENDIDIKAN TINGGI





**KONVENSYEN
2024 AKADEMI**

Konvensyen AKADEMIA 2024

**Forum 'Masa Depan Pendidikan Tinggi:
Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia 2035'**

21 Oktober 2024 | Isnin | 9.30 - 11.00 pagi | Dewan Za'ba, KPT

MODERATOR



Professor Dato' Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

PANELIS:



Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi



Professor Emerita Datuk Dr. Asma Ismail
Pengerusi Kumpulan Pakar,
Pelon Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia

PENDAFTARAN



Untuk pertanyaan lanjut, hubungi:
019-971 1701 / 011-2800 5741

Poster Aktiviti & Program





Podcast **APM**

DISKUSI BAJET 2025

"EKONOMI MADANI, NEGARA MAKMUR, RAKYAT SEJAHTERA"

18 Oktober 2024 (Jumaat) | 3 petang



MODERATOR
PROFESOR EMERITUS DR.
JAMAL OTHMAN,
PRESIDEN APM



TETAMU JEMPUTAN
PROFESOR DR. ASAN ALI GOLAM HASSAN
KETUA KORPUS KESARJANAAN EKONOMI,
PENGURUSAN & PERUNDANGAN APM



 Akademi Profesor Malaysia

WACANA AKADEMI PROFESOR
KLUSTER AGAMA, FALSAFAH DAN KETAMADUNAN



KEPESATAN PERKEMBANGAN KECERDASAN BUATAN: CABARAN TERHADAP TRADISI AGAMA DAN INTEGRITI INSAN

 29 OKTOBER 2024 (SELASA)
 10.00PAGI - 12.00 TGH HARI
PENDAFTARAN ZOOM
 <https://bit.ly/3IRbnqE>
YOUTUBE LIVE
<https://bit.ly/3pHK4EG>



IMBAS UNTUK
MENDAFTAR



Panel 1
Profesor Datuk Dr. Muhammad Nur Manuty
Presiden Kolej Dar al-Hikmah
dan Pengerusi Institut
Kefahaman Islam Malaysia
(IKIM)



Panel 2
Profesor Dr. Rahmah Ahmad H Osman
Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia dan Ketua Korpus
Kesarjanaan Sastera &
Kemanusiaan APM



Panel 3
Profesor Dr. Putra Sumari
Universiti Sains Malaysia



Panel 4
Profesor Madya Dr. Tee Boon Chuan
Universiti Tunku Abdul
Rahman



KATA ALU-ALUAN
Profesor Emeritus Dr.
Jamal Othman
Presiden APM



MODERATOR
Profesor Emeritus Dato'
Seri Dr. Md Salleh Yaapar
Pengerusi Kluster Agama,
Falsafah & Ketamadunan

 Akademi Profesor Malaysia

Keahlian APM

Status pada 31 Disember 2024

Jumlah Ahli = 559 orang

- Fellow Kehormat = 9 orang
- Fellow = 81 orang
- Ahli = 277 orang
- Ahli Bersekutu = 192 orang

Bilangan Ahli Baharu (Oktober - Disember 2024)

Kategori Keahlian	Oktober 2024	November 2024	Disember 2024	Jumlah Ahli Baharu
Ahli	0	4	1	5
Ahli Bersekutu	0	8	3	11
Jumlah Ahli Baharu				16

Borang Kemaskini Profil Ahli



bit.ly/3NymmGP

Takrifan & Akronim

Bil	Program
1.	Syarahan (Pusat) (ditakrifkan sebagai perkongsian ilmu oleh seorang pembicara dan dua orang pengulas)
2.	Wacana (Pusat dan Kluster) (ditakrifkan sebagai perbincangan bagi sesuatu topik oleh satu kumpulan pakar, 2-5 orang)
3.	Sidang Meja Bulat RTD (Pusat dan Kluster) (ditakrifkan sebagai perbincangan tertutup bagi sesuatu topik oleh satu kumpulan pakar bertujuan menghasilkan kertas putih berkaitan dasar)
4.	Persidangan (Pusat dan Domain Ilmu) (ditakrifkan sebagai perkongsian bidang keilmuan/kepakaran oleh lebih daripada 5 orang)
5.	Latihan (Pusat dan Domain Ilmu) (ditakrifkan sebagai program pembelajaran dan peningkatan keilmuan oleh kumpulan pakar menghasilkan masa CPD/Sijil)
6.	Jaringan (ditakrifkan sebagai kerjasama dengan pihak berkepentingan)
7.	Penerbitan
8.	Pentadbiran Organisasi

Bil	Nama Kluster	Akronim Kluster
1.	Alam Sekitar dan Kelestarian	ASK
2.	Pendidikan dan Pembangunan Insan	PPI
3.	Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional	KSPN
4.	Perubatan dan Kesihatan	PK
5.	Keselamatan dan Pertahanan	KP
6.	Sains, Teknologi dan Inovasi	STI
7.	Tenaga Boleh diPerbaharui	RE
8.	Pertanian dan Sekuriti Makanan	PSM
9.	Governans, Kepimpinan dan Hubungan Antarabangsa	GKHA
10.	Agama, Falsafah dan Ketamadunan	AFK
11.	Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial	EPW

Sertai Kami

Sertai Kami di APM!



Akademi Profesor
MALAYSIA

Akademi Profesor Malaysia (APM) ditubuhkan pada tahun 2019 sebagai satu badan bukan kerajaan (NGO). Ia merupakan satu wadah Pemikir Negara yang menggembeng dan menyatu pemikiran strategik para profesor dan ilmuwan bagi membangun masyarakat dan negara. Antara fungsinya termasuklah menjadi wadah pemikir negara dan pakar rujuk, melaksanakan penyelidikan yang bersifat *foresighting*, menganjurkan wacana bitara ilmiah, memajukan integriti akademik dan governans pendidikan negara, serta melaksanakan fungsi semak dan imbang.

Daftar Keahlian

1. Ahli Biasa: Profesor



<http://bit.do/mapmp>

2. Ahli Bersekutu: Profesor Madya



<http://bit.do/amapmp>

IKUTI KAMI DI:



Akademi Profesor Malaysia

HUBUNGI KAMI:



sua@akademiprofesor.org.my, akademiprofesor@gmail.com



011-28005741 (Pn. Nai'mah Isa)

HUBUNGI KAMI

PERTUBUHAN AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

M-2-08, Conezion Commercial, Persiaran IRC 3,
IOI Resort City, 62502 Putrajaya.

Tel: +603-8685 4459

+6011 2800 5741

Emel1: sua@akademiprofesor.org.my

Emel2: akademiprofesor@gmail.com



Akademi Profesor
MALAYSIA



+601128005741



akademiprofesor.org.my



akademiprofesor@gmail.com



Akademi Profesor Malaysia